



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“BELIA: TENAGA PENGGERAK PEMBAWA PEMBAHARUAN”

17 Mei 2024 / 8 Zulkaedah 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ

﴿فَمَا آمَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّن قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّن فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِم أَن يَفْتِنَهُمْ وَإِنَّ

فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ ﴿٨٣﴾﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Sempena sambutan Hari Belia Negara yang ditetapkan pada 15 Mei setiap tahun, mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk:

‘BELIA: TENAGA PENGGERAK PEMBAWA PEMBAHARUAN’

Istilah ‘belia’ secara umumnya merujuk tempoh kehidupan apabila seseorang berada dalam usia muda antara fasa kanak-kanak dengan dewasa, dalam zon usia antara 15 hingga 30 tahun.

Zaman keemasan seorang manusia berlaku dalam usia ‘*kepemudaan*’. Imam *al-Qurtubi* ketika mengulas istilah ‘*kepemudaan*’ (الْفُتُوَّةُ) menukilkan takrifan *al-Junayd* yang memaknakaninya sebagai sikap sentiasa melakukan kebaikan kepada orang lain, tidak menyusahkan orang lain, menghindari perkara yang haram dan bersegera dalam perkara kebaikan.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Disimpulkan segala yang baik dan berfaedah itu perlu terangkum pada seorang pemuda. Sesungguhnya orang muda itu terbukti dalam kisah-kisah yang terkandung dalam al-Quran bersedia menerima pembaharuan dan berani melakukan perubahan seperti yang digambarkan melalui ayat 83, Surah Yunus yang dibacakan pada awal khutbah bermaksud:

“Maka tidak ada yang beriman kepada Musa melainkan sebilangan kecil (pemuda-pemuda) daripada kaumnya. Itu pun dalam keadaan takut diseksa oleh Firaun dan ketua-ketua kaum mereka kerana sesungguhnya Firaun itu bermaharajalela di muka bumi dan dia sebenarnya dalam kalangan orang yang melampaui batas.”

Tamadun Islam mencatatkan ramai kalangan pemuda Muslim yang menunjukkan kualiti unggul. Sayidina Umar al-Khattab RA (berusia 28 tahun) dan Sayidina Ali Karamallahu Wajhah (berusia 10 tahun), Jaafar bin Abi Talib (berusia 18 tahun), Qhudamah bin Maz'un (berusia 19 tahun) dan Abdullah bin Mas'ud (berusia 18 tahun) merupakan antara barisan pemuda yang mempamerkan fikiran terbuka untuk menerima perubahan, bersedia melakukan pembaharuan, menerima risalah Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW, kemudiannya berperanan sebagai kumpulan penggerak terawal yang berada di barisan hadapan, mengambil tanggungjawab membantu Rasulullah SAW untuk menyebarkan Islam; bersemangat berani mempertahankan Rasulullah SAW menghadapi penentangan kafir Quraisy di Mekah dan pengkhianatan Yahudi di Madinah. Demikian juga peranan Sayidina Usamah bin Zaid RA, ketika berusia 18 tahun diberikan kepercayaan, terpilih untuk mengetuai tentera Islam yang berjaya menakluki Kerajaan Byzantium. Sultan Muhammad al-Fateh ketika berusia 21 tahun berjaya menakluki Konstantinopel. Dalam dunia keilmuan pula, Imam as-Syafie diberi kepercayaan oleh gurunya untuk memberikan fatwa ketika berusia 15 tahun. Hakikatnya, terdapat begitu ramai pemimpin Muslim dalam bidang-bidang keilmuan, pemerintahan, perniagaan, dan ketenteraan yang menyerlahkan peranan dan memberikan sumbangan besar ketika usia muda.

Jemaah yang dimuliakan,

Sayidina Ali Karamallahu Wajhah mengungkapkan, “Jika kamu ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, maka lihatlah pemuda-pemudanya pada hari ini”. Kata-kata tersebut menunjukkan bahawa kelangsungan, penerusan dan kekuatan masa hadapan



sesebuah negara terletak di tangan para belia masa kini yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Asas kekuatan sesebuah negara terletak kepada tahap penguasaan ilmu dan kualiti pendidikan yang diperolehi oleh mereka. Wajah-wajah belia pada hari ini akan menjadi penentu kepada wajah negara pada hari muka.

Di negara kita, belia berjumlah 9.6 juta orang; merupakan 29 peratus daripada jumlah penduduk di Malaysia yang bakal mewarisi kepimpinan negara. Kemajuan dan kemakmuran negara pada masa hadapan akan dipengaruhi dan bakal ditentukan oleh para belia hari ini, setelah mereka mengambil alih tanggungjawab kepimpinan negara dalam pelbagai bidang merangkumi pemerintahan, pertahanan, keselamatan, hubungan antarabangsa, pendidikan, perdagangan, perniagaan, kemasyarakatan dan pelbagai bidang lagi.

Para belia akan mencorakkan dan memberikan identiti rupa bentuk warga di negara ini. Oleh itu amatlah penting untuk mereka dididik, dibimbing, diasuh, dan dilengkapi dengan pegangan dan kepercayaan kepada tuhan yang teguh, agar mereka memiliki aqidah, iman dan takwa yang kukuh untuk dijadikan asas ketika membina daya fikir, mencanai minda, membentuk watak dan membajai roh; semoga terbina jati diri yang kental, setia lagi patriotik kepada negara bangsanya, tersemam dalam sanubari mereka sifat-sifat amanah, jujur, telus, berterus terang dan bertanggungjawab, serta mempamerkan akal budi serta watak yang tertib, sopan dan bersusila.

Dalam hasrat mahu menyediakan angkatan belia yang dapat mewarisi dan memenuhi peranan kepimpinan secara bermakna, bakat dan kebolehan yang dimiliki oleh para belia harus diperkasa, agar mereka terdiri daripada barisan belia yang berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran; memahami keadaan sahsiah semasa serta menguasai teknologi termoden, memiliki daya fikir yang segar serta berupaya menapis dan mengimbangi modenisasi atau kemajuan tanpa mengorbankan dan melupakan, malah cekal mempertahankan nilai-nilai murni lagi berharga milik bangsanya agar kukuh teranyam dalam pemodenan yang berlaku.

Jemaah Rahimakumullah,

Negara dan kepimpinan yang berwawasan jauh, sewajarnya memberikan bimbingan, teladan juga panduan, menyediakan belia untuk masa hadapan negara. Antara yang perlu diberikan perhatian;



Pertama: Memahami keperluan, hasrat dan harapan para belia yang pastinya mahu diwariskan sebuah negara yang aman dan damai, makmur dan sejahtera, terpelihara dan tidak musnah sumber kekayaannya, tidak menanggung hutang besar, tidak muflis; serta tidak tercemar sumber-sumber kehidupan asas seperti bumi yang subur, bekalan air dan udara yang bersih.

Kedua: Menyediakan kemudahan pendidikan dan latihan berkualiti yang berupaya mengangkat status belia Malaysia berdiri sama tinggi di pentas antarabangsa; kemudahan pendidikan dan latihan berkualiti yang dapat dinikmati oleh semua belia secara saksama, tanpa tanggungan berat kewangan kerana yuran pengajian yang tinggi.

Ketiga: Mentadbir urus negara dan kerajaan secara bersih, cekap dan amanah melalui budaya kerja pemimpin, pengurus dan pentadbir yang telus dan sifar rasuah, agar ekonomi negara berkembang sihat, mata wang negara kukuh, pelabur berkeyakinan, peluang pekerjaan semakin bertambah.

Keempat: Mendidik, mengasuh, membimbing dan menyediakan para belia sebagai pelapis kepimpinan dengan memberikan mereka pendedahan, peluang dan ruang untuk diamanahkan dengan tugas dan tanggungjawab dalam pelbagai organisasi, institusi dan agensi di pelbagai peringkat.

Pada masa yang sama para belia pula perlu memenuhi ciri-ciri dan tanggungjawab berikut kepada negara bangsa:

Pertama: Berpegang teguh kepada Rukun Iman, percaya dan yakin akan hari pembalasan agar tersemai iman yang teguh untuk membantu membina kekuatan jati diri.

Kedua: Menginsafi bekalan ilmu yang cukup diperlukan untuk melayari lautan kehidupan yang begitu luas lagi bergelora. Justeru menyemai azam untuk memperlengkapkan diri dengan ilmu secara berterusan tanpa jemu – tanpa lelah dalam semangat Belajar! Terus Belajar, mengambil iktibar kata-kata Imam as-Syafie, “Jika kamu tidak tahan terhadap penatnya belajar, maka kamu akan menanggung bahaya kebodohan”.

Ketiga: Mempamerkan sifat-sifat insan bertakwa dengan mengamalkan akhlak mahmudah (terpuji) dan menjauhi sifat mazmumah (buruk), melakukan yang makruf dan menjauhi yang mungkar. Bersifat jujur, berintegriti dan amanah; berani, lantang serta tegas menolak rasuah, tidak bersubahat dengan para perasuah dan menolak



pemimpin yang tercemar dengan rasuah; serta dipupuk sikap kesungguhan dalam setiap tindakan sebagai persiapan menjadi pemimpin masa hadapan.

Keempat: Menjadi warga yang memiliki semangat kesetiaan yang kukuh kepada raja dan negara, bersedia berkorban dan berkhidmat untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Bimbing para pemuda kami agar memanfaatkan usia mudanya pada jalan-jalan kebaikan dan mendatangkan faedah. Jauhi para pemuda kami dari terlibat melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Mu. Kurniai negara kami pemimpin muda yang bijak, beramanah, bertakwa, menjunjung yang hak dan menentang kebatilan.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulki!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.﴾